

## Kepentingan Siasah Syar'iyyah Untuk Membentuk Dasar Kesejahteraan Keluarga Dalam Negara Bermasyarakat Majmuk

Awang Nib Zuhairi Awang Ahmad<sup>1</sup>, Hadenan Towpek<sup>2</sup>,  
Abdul Razak Abdul Kadir<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia  
Emel: nibz@sarawak.gov.my

<sup>2</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Kampus Samarahan 2, 94300  
Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia  
Emel: hadenan298@uitm.edu.my, abdurak1@uitm.edu.my

### E-JITU

Acceptence date:  
15<sup>th</sup> January 2022

Valuation date:  
15<sup>th</sup> March 2022

Publication date:  
29<sup>th</sup> May 2022

**ABSTRAK:** Islam adalah satu agama lengkap yang mengatur kehidupan manusia bagi mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan. Bagi mencapai kesejahteraan itu, pemimpin sesebuah negara perlu mengaplikasikan siasah syar'iyyah dalam pentadbiran mereka. Siasah syar'iyyah merupakan kaedah yang bersifat dinamik dan menepati maqasid syariah bagi mengurus pentadbiran negara. Aplikasi siasah syar'iyyah dalam pentadbiran negara bermasyarakat majmuk adalah bagi memastikan maslahah dalam kehidupan masyarakat majmuk dapat dilaksanakan dan menghindari mafsadah yang akan memudararkan mereka. Oleh itu, objektif artikel ini adalah untuk menganalisis kepentingan siasah syar'iyyah untuk membentuk dasar kesejahteraan keluarga dalam negara bermasyarakat majmuk. Artikel ini mendapati bahawa elemen-elemen seperti mengawal struktur keluarga dan masyarakat, mewujudkan jaminan keselamatan, menegakkan keadilan, menjamin kebebasan, mengiktiraf hak persamaan, menjamin kebaikan sosial, menggalakkan syura dalam pembuatan dasar kesejahteraan dan mengukuhkan perpaduan. Lapan elemen ini adalah sebahagian daripada elemen yang perlu sebagai asas pembentukan dasar kesejahteraan keluarga. Kepentingan siasah syar'iyyah ini telah diterjemahkan oleh kerajaan Malaysia melalui lapan domain yang menjurus ke arah kesejahteraan keluarga. Begitu juga, kerajaan Sarawak telah mencerakinkan kepentingan siasah syar'iyyah ini kepada sepuluh tonggak utama. Walaupun hasil artikel ini sangat ringkas dan tidak menyentuh kesemua elemen kepentingan siasah syar'iyyah untuk membentuk dasar kesejahteraan keluarga dalam negara bermasyarakat majmuk, namun kewujudan lapan elemen ini sudah cukup membuktikan bahawa Islam telah menyediakan mekanisme tadbir urus yang komprehensif bagi mewujudkan kesejahteraan keluarga dalam negara bermasyarakat majmuk.

*Kata Kunci:* Siasah syar'iyyah, kesejahteraan keluarga dan masyarakat majmuk

## The Importance of Siyasah Shar'iyyah to Form A Family Well Being Policy In A Multiracial Society

**Abstract:** Islam is a complete religion that organizes human life to achieve wellbeing and happiness. In order to achieve that wellbeing, the leaders of a country need to apply the siyasah shar'iyyah in their administration. Siyasah shar'iyyah is a dynamic method and meets the maqasid

*shariah to manage the administration of the country. The application of siyasah shar'iyyah in the administration of a country with a multiracial society is to ensure that maslahah in the life of a multiracial society can be implemented and to avoid mafsat that will harm them. Therefore, the objective of this article is to highlight the importance of siyasah shar'iyyah to form a family wellbeing policy in a country with a multiracial society. The results of the article found that some elements such as controlling the structure of family and society, creating security guarantees, upholding justice, guaranteeing freedom, recognizing equal rights, guaranteeing social welfare, encouraging shura in wellbeing policy making and strengthening unity. These eight elements are some of the elements that are necessary as the basis for the formation of family wellbeing policy. The importance of siyasah shar'iyyah has been translated by the Malaysian government through eight domains that lead to family wellbeing. Similarly, the Sarawak government has detailed the importance of siyasah shar'iyyah into ten main pillars. Although the results of this article are very brief and do not touch on all elements of the importance of siyasah shar'iyyah to form a family wellbeing policy in a multiracial society, but the existence of these eight elements is enough to prove that Islam has provided a comprehensive governance mechanism to create family wellbeing in a multiracial society.*

*Keywords:* Siyasah shar'iyyah, family wellbeing and a multiracial society

## 1. Pengenalan

Siasah syar'iyyah merupakan satu mekanisme penting untuk mewujudkan dasar kesejahteraan keluarga dalam sebuah negara bermasyarakat majmuk. Kepentingan ini dapat ditelusuri melalui prinsip siasah syar'iyyah yang menekankan setiap dasar dalam pentadbiran kerajaan perlulah selari dengan maqasid syariah.

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kepentingan siasah syar'iyyah untuk membentuk dasar kesejahteraan keluarga dalam negara bermasyarakat majmuk. Hal ini adalah kerana, kesejahteraan merupakan permasalahan yang kerap dibahaskan di mana-mana tempat di seluruh dunia sehingga menghasilkan rumusan dalam bentuk indeks kesejahteraan. Misalnya Alexandra Mousavizadeh *et. al* (2016) yang menghasilkan laporan penyelelidikan yang komprehensif dengan judul: *The Legatum Prosperity Index 2016* mengetengahkan sembilan indikator kesejahteraan yang dapat dilihat dari perspektif kualiti ekonomi, lingkungan perniagaan, pemerintahan, pendidikan, kesihatan, keselamatan dan keamanan, kebebasan individu, modal sosial dan alam sekitar. Manakala negara Malaysia melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah merumuskan bahawa sejahteranya keluarga sebagai suatu keadaan keluarga dalam sesebuah negara yang berada dalam situasi sejahtera, bebas dari penyakit, aman, senang, seimbang dan menyenangkan. Suluhan kefahaman yang berakar-umbi daripada dimensi takrifan yang memasukkan elemen-elemen yang menggambarkan rasa puas dan selesa dari perspektif spiritual, perekonomian dan intelektualiti. Definisi ini merangkumi pelbagai aspek kepuasan dan keselesaan dari segi kerohanian, ekonomi atau kewangan, mental, pengaruh psikologi dan sosial khususnya eratnya hubungan kekeluargaan, status kesihatan, pergaulan dalam masyarakat, pemerintahan negara dan tiada unsur ekspolitasi. Sejahteranya keluarga juga berkait langsung dengan sejauhmana nilai diri dalam anggota keluarga ini dirai, dipelihara dan dikembangkan (LPPKN, 2010). Rumusan ini bolehlah diambil sebagai indikator bagi mencapai kesejahteraan keluarga di negara Malaysia.

Sarawak tidak ketinggalan untuk menggubal dasar kesejahteraan tersendiri yang merujuk kepada indeks kesejahteraan peringkat nasional dan antarabangsa. Dalam hal ini,

Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita dan Pembangunan Kanak-kanak, Datuk Fatimah Abdullah menyatakan dengan tegas dan memberi iltizam tinggi menggambarkan keperluan penggubalan dasar kesejahteraan sendiri sebagaimana dijelaskan dalam pernyataan berikut: "*In order to come up with our very own Index, we have to look at the existing indexes present nationally and internationally to see what others have done, and then see what we can adopt or adapt for our own.*" (Sarawak Government, 2017)

Seterusnya indeks ini diolah semula mengikut keperluan dan pola masyarakat majmuk di negeri Sarawak. Indeks kesejahteraan Sarawak ini dikenali sebagai *State Social Wellbeing Index (SSWI)* yang mengandungi sepuluh tonggak utama iaitu institusi keluarga, pembinaan kapasiti, perumahan, keharmonian sosial, keselamatan awam tanggungjawab sosial, ruang dan prasarana sosial, amalan tadbir urus governan, kelestarian alam sekitar, perlindungan sosial dan kesihatan (KWPKS, 2020).

Berdasarkan penjelasan tersebut menunjukkan bahawa indikator kesejahteraan diolah dengan mengambil kira sudut fizikal sahaja. Hal ini telah menimbulkan pemahaman bahawa kesejahteraan itu sendiri sebenarnya berkait rapat dengan kekuasaan atau negara. Dalam hal ini, Kansil (2001) menyatakan bahawa daya kekuatan anggota masyarakat tidak dapat menjamin mewujudkan rasa sejahtera yang diinginkan. Oleh kerana itu, anggota sebagai unit kecil masyarakat perlu berpadu dan bergabung membentuk sebuah entiti organisasi yang lebih besar dan kuat. Dengan istilah lain ia boleh dikenali sebagai sebuah kerajaan atau pemerintahan yang berusaha secara berterusan melaksanakan aktiviti dan program ke arah pembinaan hidup yang sejahtera di kalangan rakyat jelata, sekali gus dapat meningkatkan taraf hidup yang lebih baik.

Di sinilah menunjukkan bahawa pemimpin berperanan besar dalam mencorak kesejahteraan rakyat yang berbilang bangsa dalam negara yang ditadbir oleh mereka. Justeru itu, indikator-indikator kesejahteraan yang digarap di atas memerlukan mekanisme pengukur yang tepat. Hal ini penting agar setiap dasar yang terbit bagi mencapai indikator tersebut dapat direalisasikan serta bertepatan dengan objektif siasah syar'iyyah.

Artikel ini, akan memberi sumbangan sebagai bahan rujukan kepada pentadbir dan pembuat dasar terutamanya pemimpin dalam sesbuah negara untuk membuat dasar-dasar kesejahteraan. Elemen-elemen fokus siasah syar'iyyah yang diketengahkan perlu dijadikan rujukan asas dalam proses pembuatan polisi kesejahteraan dalam kerajaan.

## 2. Sorotan Literatur

Siasah syar'iyyah menurut Abdul Wahhab Khallaf (1982) adalah ilmu yang membincangkan mengenai pentadbiran sesebuah kerajaan Islam yang terdiri daripada undang-undang dan sistem yang berdasarkan kepada asas-asas Islam atau mentadbir urusan umum daulah Islamiah dengan cara yang membawa kebaikan kepada manusia dan mengelakkan mereka daripada kemudaratuan tanpa melanggar sempadan syarak dan asas-asas *kulliyyah* walaupun dalam perkara yang tidak disepakati oleh ulama mujtahidin.

Namun begitu, terdapat kalangan sarjana Islam dalam mendefinisikan siasah syar'iyyah mereka hanya memfokuskan manusia sebagai objek yang perlu dielokkan melalui bimbingan dan memimpin mereka ke jalan selamat. Ini dapat ditelaah melaui pandangan Muhammad Amin Ibn 'Abidin (1966) yang menyatakan bahawa siasah

syar'iyyah ialah mengelokkan keadaan orang ramai dengan membimbing dan memimpin mereka ke jalan yang selamat di dunia dan akhirat.

Sebaliknya, Ibn Khaldun (1982) berpandangan bahawa siasah syar'iyyah adalah satu mekanisme untuk menjalankan pentadbiran negara dan pelaksanaan hukum-hukum, merancang dan meminda peraturan dan undang-undangnya. Pendefinisian Ibnu Khaldun ini lebih menumpukan kepada kerangka operasi pentadbiran sesebuah kerajaan melalui pelaksanaan hukum dan peraturan.

Manakala sedikit berbeza daripada perspektif Ibn Qayyim (1989) dimana beliau menjelaskan bahawa siasah syar'iyyah itu adalah suatu tindakan oleh pemimpin yang boleh menyelamatkan orang ramai dan menghindarkan mereka dari kehancuran, walaupun tindakan tersebut tidak dilakukan oleh Rasulullah SAW atau pun tidak ada wahyu berkenaan perkara tersebut. Dalam hal ini, Ibn Qayyim memerihalkan tanggungjawab pemimpin untuk berusaha menyelamatkan masyarakat daripada segala bentuk musibah serta kesusahan dengan kaedah-kaedah baru mengikut perkembangan zaman selagi mana ia menepati kehendak syarak walau pun tidak pernah dilaksanakan pada zaman Rasulullah SAW. Pandangan Ibn Qayyim ini diperkuuhkan lagi oleh Abdul Ahmad Atwah (1993) yang menyatakan bahawa siasah syar'iyyah adalah tindakan yang diambil oleh pemerintah berdasarkan maslahah dalam perkara-perkara yang tidak dijelaskan oleh nas secara langsung dan dalam perkara yang berubah-ubah mengikut perubahan masa, tempat dan tuntutan semasa. Pandangan ini juga selari dengan pendapat Zayn al-Din Ibn Nujaim (t.t) yang menjelaskan siasah syar'iyyah itu ialah sesuatu tindakan dari pihak pemerintah berdasarkan kemaslahatan yang dilihatnya sekalipun tidak ada dalil secara langsung dan terperinci ke atas perbuatan itu. Dalam hal ini penekanan telah diberikan oleh Ibnu Taimiyah (1427H) yang mentakrifkan siasah syar'iyyah sebagai satu ilmu yang menolak mudarat dan keburukan di dunia dan menarik kebaikan kepadanya.

Seterusnya terdapat dalam kalangan ulama mentakrifan siasah syar'iyyah ini sebagai mekanisme dalam tadbir urus sesebuah kerajaan yang berpandukan kepada dalil umum daripada al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini dapat ditelaah melalui pandangan Rizq Muhammad al-Zalbani (t.t) yang menerangkan siasah syar'iyyah ialah mengendalikan urusan awam atau bersama berdasarkan hikmat yang tidak bercanggah dengan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW walaupun tindakan tersebut tidak disokong oleh dalil-dalil juz'i. Dalam hal ini, Yusuf al-Qardawi (1993) menekankan bahawa siasah syar'iyyah adalah sebagai sistem politik yang menjadikan syariat sebagai teras, kembali dan bersandar kepadanya, mengaplikasikannya di muka bumi, melaksanakan ajaran-ajaran dan prinsipnya di tengah masyarakat, sekaligus sebagai matlamat dan sasaran sistem dan tatacaranya. Tujuannya berdasarkan syariat dan sistem yang dianut berdasarkan syariat."

Daripada keseluruhan pandangan tersebut di atas, dapatlah dirumuskan bahawa siasah syar'iyyah membawa maksud mengurus dan mengatur pemerintahan negara supaya setiap tindakan mestilah berlandaskan syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW yang melibatkan umat Islam dan bukan Islam yang bernaung dengan aman di dalam sebuah negara Islam. Dalam erti kata lain, siasah syar'iyyah dalam konteks ini menekankan kepada maksud pengendalian urusan pemerintahan negara yang fleksibel serta dinamik mengikut landasan syarak iaitu berpandukan kepada al-Quran, al-Sunnah dan ijtihad bagi menjamin kepentingan dan kemaslahatan rakyat.

Oleh itu, garapan dasar yang berpandukan siasah syar'iyyah sudah pastilah akan menatihkan kesejahteraan. Atchley (2004) telah merumuskan bahawa kesejahteraan adalah rasa gembira mengatasi rasa sedih dalam jangka masa panjang, perasaan bebas daripada tekanan, perasaan positif dengan kehidupan dan memperoleh apa yang diinginkan seiring dengan matlamat. Billson (2005) turut membahaskan bahawa kesejahteraan adalah suatu keadaan optima yang diukur dari aspek kepuasan, keyakinan, ketahanan dan kesihatan fizikal. Seterusnya Costanza *et. al* (2007) berpandangan bahawa kesejahteraan adalah sebagai tindak balas individu atau kumpulan terhadap kegembiraan, kepuasan hidup dan kebajikan. Manakala Bretones dan Gonzales (2011) merungkaikan matlamat kesejahteraan sebagai satu konsep yang mampu menjelaskan pelbagai bentuk kesejahteraan seperti pekerjaan, kebendaan mahu pun perkahwinan.

Selain itu, kesejahteraan juga disebut sebagai *al-sakinah*. Dalam hal ini Siti Chadijah (2018) menjelaskan bahawa perkataan *sakinah* digunakan untuk menggambarkan kesejahteraan dalam kehidupan berkeluarga. Istilah ini juga bererti tempat tinggal yang diambil daripada kata dasar dalam bahasa Arab iaitu *sakanun*. Istilah ini juga digunakan al-Quran untuk menyebut tempat berlabuhnya setiap anggota keluarga dalam suasana yang nyaman dan tenang, sehingga menjadi lembah subur untuk tumbuhnya cinta kasih (*mawadah warahmah*) antara sesama anggota keluarga.

Oleh hal yang demikian, kesejahteraan merupakan satu bentuk pengukuran kualiti hidup dari aspek psikologi atau dalaman dan fizikal. Secara psikologi kesejahteraan itu diukur dari sudut beberapa dimensi seperti kegembiraan, harga diri, kecekapan diri, kepuasan hidup, kehidupan berkeluarga, pekerjaan, pendidikan dan kewangan. Manakala pengukuran kesejahteraan dari dimensi fizikal adalah yang melibatkan pemilikan aset, perumahan, kesihatan, pendidikan dan gaya hidup individu dalam kalangan masyarakat majmuk.

Sebenarnya, masyarakat majmuk adalah suatu realiti dalam masyarakat dunia. Fenomena kemajmukan ini pastinya memerlukan kepada satu sistem sosial agar kehidupan mereka sejahtera dan harmoni. Kesejahteraan dan keharmonian ini dibentuk melalui kesatuan tindakan antara anggota masyarakat yang berlaku secara imbal balik dalam melaksanakan tugas-tugas kemasyarakatan. Tindakan ini dikenali sebagai kesatuan sosial. Menurut Ahmad Zaki (t.t) kesatuan sosial adalah kesatuan gerak kerja dalam satu kelompok besar secara tindakan bersama sebagai satu kerjasama menuju satu matlamat untuk menjamin kestabilan sosial. Kestabilan sosial atau *social stability* ini ialah kelangsungan nilai-nilai kemasyarakatan tanpa mengalami perubahan mendadak atau perubahan dalam aspek-aspek dasarnya. Seterusnya adalah aspek solidariti sosial. Solidariti sosial atau *social solidarity* ialah kerjasama antara anggota masyarakat berdasarkan rasa tanggungjawab bersama tanpa berpecah belah.

Oleh itu, Awang Nib Zuhairi (2014) telah menyimpulkan bahawa sejarah pembentukan Piagam Madinah oleh Rasulullah SAW telah berjaya menyatukan masyarakat majmuk yang diikat dengan nilai persaudaraan (*al-ukhuwwah*), persatuan (*al-itihad*), persamaan (*al-musawat*) dan kebebasan (*al-hurriyah*). Proses perpaduan melalui Piagam Madinah telah mencambah asas perpaduan dan toleransi agama serta keterbukaan sosial yang praktikal dalam masyarakat Madinah. Sifat Rasulullah SAW dengan ciri-ciri pemaaf, bermesyuarah, berbudi bahasa dan tidak berdendam serta tidak keras hati, menjadikan seluruh masyarakat aman harmoni bernaung di bawah kepimpinan Baginda Rasulullah SAW. Justeru, Piagam Madinah dilihat sebagai satu perlembagaan yang mengutamakan kesatuan masyarakat majmuk Madinah, pembentukan masyarakat

majmuk yang berdaulat, mengiktiraf hak asasi semua kaum, politik perdamaian dan toleransi dalam kalangan masyarakat majmuk, membentuk kesatuan politik dan mempertahankan Madinah secara bersama, merangka persefahaman antara penduduk terutama kaum Yahudi, menentukan hak-hak dan kewajipan Nabi Muhammad SAW dan penduduk setempat dan lain-lain lagi. Rungkai itu menggambarkan perpaduan dan persefahaman antara masyarakat majmuk adalah amat penting untuk merangka dasar sebuah pentadbiran negara yang dinamik dan adil.

Perbahasan ini menunjukkan bahawa siasah syar'iyyah diperakui sebagai mekanisme khusus untuk pembinaan kesejahteraan keluarga dalam sesebuah negara bermasyarakat majmuk. Siasah syar'iyyah ini diaplikasikan sebagai suatu tindakan pemerintah untuk menyelamatkan, mengelokkan, membimbang dan memimpin masyarakat untuk mencapai kesejahteraan serta menghindarkan mereka daripada kesusahan agar kehidupan mereka selamat di dunia dan akhirat. Masyarakat di sini adalah merangkumi sesebuah keluarga yang membentuk entiti sosial yang lebih besar iaitu masyarakat majmuk yang menjadi rakyat kepada sesebuah negara.

### **3. Metodologi**

Sesuatu kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan dan menganalisis data sama ada menggunakan kaedah kualitatif, kuantitatif dan kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif adalah dikenali sebagai metodologi kajian. Dalam konteks artikel ini, ia mengambil pendekatan dengan mengaplikasikan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif sering disebut sebagai penelitian semulajadi dalam kondisi alami (*natural setting*). Oleh itu, kaedah ini difahami sebagai suatu cara berfikir yang bersifat saling berhubung dan saling membina yang berdasarkan keadaan sebenar dalam masyarakat secara keseluruhan dan mampan, sarat dengan kepelbagaiannya, bertenaga, banyak interpretasi maksud dan jalinan setiap elemen yang saling berhubung. (Sugiyono, 2017). Manakala kaedah kepustakaan diaplikasikan oleh pengkaji bagi mengumpul data. Manakala untuk menganalisis data, pengkaji menggunakan pendekatan analisis kandungan, induktif, deduktif dan komparatif terhadap kajian-kajian lepas serta artikel-artikel ilmiah berkaitan yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu.

### **4. Dapatan Dan Perbincangan**

Hasil artikel ini terbahagi kepada dua segmen iaitu segmen konseptual kepentingan siasah syar'iyyah dan yang kedua adalah segmen praktikal dalam kerajaan.

#### **Segmen Konseptual Kepentingan Siasah Syar'iyyah**

Penelitian artikel ini telah menghasilkan lapan konseptual kepentingan siasah syar'iyyah untuk membentuk dasar kesejahteraan keluarga dalam negara bermasyarakat majmuk iaitu:

### i. Mengawal Struktur Keluarga Dan Masyarakat

Kesejahteraan sesebuah komuniti sosial adalah berdasarkan hubungan dalam kalangan masyarakat yang teratur dengan sistem kekeluargaan dan kejiranan yang saling hormat menghormati dan saling mempercayai.

Oleh itu, Imam al-Ghazali (t.t) mengulas bahawa kesejahteraan (*al-maslahah*) adalah untuk menjaga maksud syarak dan maksud syarak kepada manusia ada lima perkara iaitu untuk menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Lantaran itu, Imam al-Ghazali telah merumuskan kesejahteraan (*al-maslahah*) bagi manusia adalah bukan semata-mata untuk kepentingan dunia tetapi juga *ukhrawi*. Begitu juga pandangan Muhamad Hashim Kamali (1989) seperti berikut:

*“a broad doctrine of Islamic Law which authorizes the ruler to determine the manner in which syariah should be administered. The ruler may accordingly take discretionary measures, inact rules and initiate policies as he deems are in the interest of good government, provided that no substantive of the syariah is violated the very.”*

Rumusan yang boleh dibuat melalui pandangan di atas ialah pemerintah memiliki kewajaran yang munasabah untuk mengambil inisiatif serta apa-apa usaha menstruktur masyarakat bagi mewujudkan kesejahteraan dalam keluarga khususnya dan negara bermasyarakat majmuk amnya bersesuaian dengan kepentingan siasah syar'iyyah itu sendiri yang mengiktiraf manfaat dan menolak mudarat mengikut timbangan syarak.

### ii. Mewujudkan Jaminan Keselamatan

Mewujudkan jaminan keselamatan merupakan salah satu daripada tuntutan siasah syar'iyyah. Ini dapat dilihat melalui penetapan bahawa siasah syar'iyyah adalah untuk memperelokkan keadaan masyarakat dengan memimpin mereka ke jalan yang selamat di dunia dan akhirat (Ibn Abidin, 1979). Gambaran ini menunjukkan bahawa pemerintah bertanggungjawab untuk memastikan setiap polisi dan dasar kerajaan hendaklah menepati maqasid syariah serta memenuhi maslahah keselamatan dan kesejahteraan agama, nyawa, keturunan, akal dan harta.

Maslahah agama dijaga dengan asas-asas akidah dan perkara fundamental hukum seperti solat fardu dan jihad *fi sabil lillah*. Manakala nyawa dijaga dengan pensyariatan hukuman qisas dan penggunaan sumber halal. Sementara akal pula terpelihara dengan pengharaman arak dan hukuman had minum arak. Seterusnya penjagaan maslahah keturunan ialah melalui hubungan nikah yang sah dan larangan berzina. Akhir sekali, maslahah harta dijaga dengan larangan mencuri dan hukuman had potong tangan.

Sebagai contoh amalan jaminan keselamatan agama dan perhubungan sosial antara masyarakat Islam dan bukan Islam dapat ditelusi melalui sejarah Umar al-Khattab r.a ketika berjaya menawan dan membuka kota Baitul Maqdis daripada Rom. Sebagai pemerintah Islam, beliau memberi jaminan dengan menghormati hak-hak penduduk bukan Islam kota berkenaan yang terdiri daripada golongan Masihi dan Yahudi. Mereka diberikan jaminan keselamatan, boleh kekal tinggal di Baitul Maqdis di samping dapat mengamalkan ajaran agama masing-masing.

Ini dapat diperjelaskan melalui teks *al-Uhdah al-Umariyyah* atau Umar Assurance of Safety to the People of Aelia atau Jaminan Keselamatan Umar Kepada Penduduk Aelia

(Baitul Maqdis) yang telah menyediakan peraturan asas untuk membantu pembangunan dan pembentukan semula komuniti baru di Aelia (Baitul Maqdis). Ia menolak fahaman bahawa individu atau bangsa yang mempunyai kuasa boleh menguasai atau mengatasi individu atau bangsa yang lain. Jaminan Keselamatan Umar telah menekankan kepada satu polisi muslim yang praktikal terhadap pengiktirafan kepada pihak lain dengan menentukan hak-hak penduduk Aelia dan tanggungjawab kaum muslimin terhadap mereka. Ia memberikan jaminan keamanan kepada setiap orang yang mendiami Aelia, tanpa pengecualian dan diskriminasi. Ini juga termasuk menjamin keselamatan rumah ibadat, tidak ada paksaan dalam beragama dan tiada siapa yang akan dianiaya. Di samping itu, rumah ibadat mereka tidak akan dihuni (diambil alih) atau dimusnahkan oleh kaum muslimin. Termasuk juga tanah yang mereka diamini, salib dan harta benda mereka tidak akan diceroboh atau dirampas (Mohd Roslan Mohd Nor, Abd al-Fattah El-Awaisi, 2010).

Oleh itu, jaminan keselamatan adalah antara objektif utama siasah syar'iyyah yang dirumuskan ke dalam lima perkara asas iaitu agama, nyawa, keturunan, akal dan harta yang dikenali sebagai *daruriyyat al-khams*. Kelima-lima perkara ini merupakan asas-asas penting kebahagian hidup manusia di dunia dan di akhirat.

### **iii. Menegakkan Keadilan**

Pemerintah sesebuah negara bertanggungjawab menegakkan keadilan bagi memastikan hak serta kemaslahatan rakyat terlaksana bertujuan untuk membina kesejahteraan keluarga dalam sebuah governan yang bercirikan masyarakat majmuk. Manifestasi daripada hal ini, Sayyid Qutb (1983) menyatakan keadilan mesti diikat dan dikaitkan dengan konsep akidah dan keimanan yang mendalam dengan konsep ketauhidan Allah SAW serta tugas manusia sebagai khalifah Allah SWT di bumi iaitu tugas sebagai agen pembangunan jasmani dan rohani. Malah sumber utama keadilan adalah daripada al-Quran dan al-Sunnah. Sementara itu, Jamil Muhammad Nasir al-Azamat (2012) yang telah mengkaji bidang keadilan dan merumuskan bahawa keadilan al-Quran meliputi tujuh bidang keadilan iaitu percakapan dan penyaksian, rumah tangga, anak-anak, urus niaga, musuh, perundungan dan pemerintahan.

Justeru itu, menegakkan keadilan merupakan satu kemestian dalam kalangan masyarakat melalui dasar-dasar kesejahteraan yang adil dan saksama walaupun kepada orang yang berlainan agama, bangsa dan status sosial mereka. Prinsip ini bermaksud tidak menyeleweng dari petunjuk syariah dan nilai-nilai akhlak yang tinggi dan murni. Ini disebut sebagai meletakkan sesuatu kena pada tempatnya mengikut pertimbangan yang waras dan sihat. Prinsip ini dapat ditelaah dalam Surah al-Syura ayat 15, Surah al-Nisa', Surah al-Hujurat ayat 9 dan lain-lainnya. Keadilan adalah antara nilai-nilai murni yang dibawa oleh agama Islam supaya dilaksanakan kepada semua manusia. Keadilan adalah satu kemestian bagi menegakkan kebenaran dan apabila wujud keadilan akan wujudlah keamanan, ketenangan dan hubungan yang baik antara masyarakat manusia. Keadilan yang diseru oleh Islam adalah keadilan yang umum dan menyeluruh untuk semua manusia (Ibnu Qayyim, 1428H).

### **iv. Mewujudkan Jaminan Kebebasan**

Mewujudkan jaminan kebebasan ini dapat diperihalkan melalui enam elemen berikut:

**v. Jaminan Kebebasan Beragama**

Islam sangat menghormati kebebasan beraqidah oleh manusia sejagat. Umat Islam tidak boleh memaksa orang bukan Islam memeluk Islam sebaliknya digesa menggunakan pendekatan dakwah secara berhikmah dan mencari pula di antara pendekatan dakwah, mana yang terbaik untuk digunakan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur)”.*

Surah al-Baqarah: 256.

**vi. Kebebasan Peribadi**

Kebebasan ini bermaksud Islam memberi hak kepada setiap individu untuk melakukan apa sahaja untuk kemaslahatan dirinya, seperti memelihara keselamatan diri, harta dan maruah dengan syarat tindakannya itu tidak mendatangkan kemudaratan kepada orang lain. Ini termasuklah kebebasan bergerak, kebebasan tempat tinggal, kebebasan pemilikan, kebebasan kepercayaan, kebebasan berfikir, kebebasan untuk berkeluarga serta mendapatkan zuriat, kebebasan menuntut ilmu, kebebasan untuk membangunkan ekonomi diri dan keluarga dan sebagainya selagi mana mengikut landasan syarak. Maka untuk menjamin hak-hak ini maka Islam mengiktiraf dan memeliharanya dan merupakan hak yang sewajarnya diberikan oleh pemerintah kepada rakyatnya sama ada Islam atau ahli *zimmah*.

**vii. Kebebasan Bersuara**

Kebebasan bersuara mempunyai ruang perbahasan yang luas mencakupi semua aspek dalam kehidupan. Ini termasuk kebebasan individu serta anggota keluarga yang membentuk masyarakat majmuk dalam negara untuk menyuarakan pandangan dan nasihat demi kebaikan bersama. Justeru, aspek hubungan rakyat dengan kerajaan ditekankan bagi meninjau kebebasan mereka untuk menyuarakan hasrat masing-masing. Kebebasan ini menurut Mustafa al-Siba'i (1960) mengandungi hak-hak seperti:

- a. Kebebasan untuk memilih tumpuk pemerintahan.
- b. Bebas menyatakan pandangan atau pertimbangan kepada pemimpin selaras dengan asas syura.
- c. Bebas mengkritik kerajaan dalam lingkungan adab-adab Islam serta untuk kemaslahatan umum bagi memastikan kelancaran.
- d. Bebas untuk mengadu kepada pihak bertanggungjawab sekiranya terdapat ketidakadilan yang berlaku ke atas dirinya.
- e. Bebas untuk tidak mematuhi arahan yang bertentangan dengan peraturan dan perundangan.
- f. Ruang kebebasan untuk khalifah bagi mentadbir urusan negara.

**viii. Kebebasan Hak Milik**

Islam jelas mengiktiraf kebebasan hak milik individu terhadap harta benda dan membenarkan pemilikan semua jenis harta benda yang mampu diperolehinya menurut cara yang halal (Afzal-ur-Rahman, 1991). Dengan kata lain, Islam membenarkan seseorang itu memiliki seberapa banyak kekayaan dengan menggunakan pengetahuan, teknik atau cara yang bermoral dan tidak bertentangan dengan hukum sosialnya. Melalui pemberian hak milik ini, individu hendaklah memainkan peranan sosial berpandukan wahyu Ilahi dan moral Islam. (Mannan, 1991).

**ix. Kebebasan Pembangunan Ekonomi**

Setiap individu dalam masyarakat majmuk bebas untuk menggiatkan usaha-usaha bagi membangunkan ekonomi diri, keluarga dan negara bertujuan mencapai *al-falah* serta kesejahteraan dalam kehidupan. Ini kerana ajaran Islam merupakan ajaran yang syumul mengandungi peraturan hidup yang lengkap dan menyeluruh dalam semua aspek kehidupan manusia termasuk ekonomi.

Justeru itu, konsep kebebasan pembangunan ekonomi dalam Islam adalah bersifat komprehensif dan bersepada iaitu pembangunan yang meliputi pembangunan dalam akhlak, kerohanian dan kebendaan. Aspek akhlak, kerohanian, kebendaan, sosial dan ekonomi tidak boleh dipisahkan untuk mencapai matlamat pembangunan sosio-ekonomi dalam Islam. Pembangunan ekonomi menjadi kegiatan yang berorientasikan matlamat dan nilai yang ditumpukan ke arah mempertingkatkan tahap kesejahteraan hidup manusia dalam semua dimensi (Syed Othman al-Habshi, 1992).

**x. Kebebasan Mewujudkan Institusi Keluarga**

Objektif perkahwinan dalam Islam adalah untuk memelihara keturunan dan menjamin berkembang serta berkekalan zuriat umat manusia yang beriman mengikut landasan yang betul (Mat Saad Abdul Rahman, 1993). Pada dasarnya pengekalan kehidupan manusia dan kebudayaan serta penerusan peranan manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini bergantung kepada berkesannya jentera yang menjamin pembiakan manusia agar tidak pupus (Wahbah al-Zuhaily, 1989)..

Oleh itu, Islam memandang keluarga sebagai sebuah institusi pencorak masyarakat dan merupakan komponen penting dalam proses pembentukan masyarakat dan seterusnya negara. Tanpa institusi keluarga yang dibentuk melalui perkahwinan, kewujudan negara tidak akan sempurna. Perkahwinan itu sendiri merupakan suatu sunnah dan wajib dilaksanakan mengikut aturannya dalam kehidupan bermasyarakat maka adalah juga menjadi kewajipan kepada pemerintah untuk mewujudkan mekanisme pengurusannya berdasarkan siasah syar'iyyah yang menepati maqasid syariah dalam menjaga keturunan.

**xi. Mengiktiraf Hak-Hak Persamaan**

Konsep persamaan dalam Islam pula perlu diasaskan kepada kenyataan bahawa kejadian manusia yang berbagai etnik, bangsa dan keturunan merupakan suatu fitrah kehidupan yang perlu diterima oleh setiap insan. Malah kepelbagai etnik, bangsa dan

keturunan yang tentunya melahirkan kepelbagaiannya budaya, gaya hidup, corak pemikiran serta kepercayaan. Kepelbagaiannya inilah yang memerlukan nilai persamaan bagi memastikan pembentukan bangsa yang bersatu, harmoni dan bertoleransi.

Oleh itu, persamaan merupakan prinsip utama di dalam sistem politik Islam bagi menjamin wujudnya keadilan. Ia menjadi prasyarat bagi keadilan yang tidak akan sempurna di dalam negara Islam jika sekiranya kerajaan tidak mengamalkan konsep persamaan di kalangan rakyatnya. Justeru itu kerajaan Islam mestilah melaksanakan dasar yang sama rata terhadap rakyatnya dari segenap aspek undang-undang, sosial, pendidikan, politik dan terutamanya di dalam mencapai hak-hak asasi, tidak kira sama ada lelaki atau wanita, Islam atau bukan Islam (Bharudin Che Pa, 2013).

Hak persamaan yang diletakkan oleh Islam tidak berdasarkan kepada kedudukan seseorang mengikut jantina atau keturunan dan bangsa. Setiap orang, lelaki atau perempuan, Islam atau bukan Islam, kaya atau miskin, adalah sama. Mereka mempunyai hak yang sama untuk hidup sebagai manusia yang bermaruah, mempunyai peluang yang sama untuk mencari rezeki dan kekayaan di bumi Allah, mempunyai hak yang sama untuk mendapatkan pendidikan, mempunyai kedudukan yang sama di sisi undang-undang dan mempunyai peluang yang sama untuk melakukan ibadat kepada Allah. Setiap orang akan diberikan ganjaran dan balasan yang sama atas perbuatan yang dilakukan. Jelaslah Islam tidak mengiktiraf perbezaan fizikal dan lahiriah seperti pangkat, keturunan, etnik dan warna kulit sebagai halangan untuk mendapat perhatian dan perhitungan yang sama daripada Allah SWT (Abdul Monir, 1986).

Jika diperhatikan, al-Quran apabila menyeru misi persamaan di kalangan manusia, ia menggunakan "*wahai manusia*" bukannya "*wahai orang-orang beriman*" sahaja. Ini memberi beberapa pengertian iaitu nilai persamaan ini merupakan suatu fitrah yang dikongsi bersama oleh semua manusia dan kerajaan Islam mestilah mengamalkan persamaan di kalangan rakyatnya yang Islam dan bukan Islam (Bharuddin Che Pa, 2013).

Pernyataan ini dijelaskan dalam surah al-Hujurat yang bermaksud: "*Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).*"

Surah al-Hujurat:13

Dalam ayat ini menunjukkan bahawa Allah SWT menerangkan tiada kelebihan di antara satu sama lain mengikut nilai kejadian mereka. Lebih atau kurangnya manusia di sisi Allah SWT sebenarnya diasaskan kepada perbuatan mereka dan sejauh mana mereka menjaga syariat yang telah ditetapkan oleh Islam.

Menurut Abdul Monir (1986) hak persamaan dalam Islam terbahagi kepada dua iaitu hak Allah SWT dan hak manusia. Hak Allah SWT merujuk kepada ikatan yang langsung yang boleh menghubungkan Allah SWT dengan hambanya melalui ibadat khusus seperti solat, zakat, haji dan sebagainya. Hak manusia pula merujuk kepada

kedudukan manusia di sisi Allah SWT adalah sama dan Allah SWT telah memuliakan kejadian manusia tanpa mengira agama.

Manakala dalam Surah al-Isra' Allah SWT berfirman yang bermaksud: "*Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.*"

Surah al-Isra':70

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT telah memuliakan anak cucu Adam seluruhnya dengan tidak mengira bangsa dan golongan dan Allah SWT juga telah melebihkan mereka daripada makhluk yang lain (Ali, 1976).

Prinsip persamaan merangkumi persamaan dalam nilai kemanusiaan, persamaan dalam undang-undang, persamaan dalam hak-hak umum politik dan persamaan dalam urusan ekonomi. Hal ini menunjukkan Islam menetapkan supaya manusia diberi layanan yang sama dalam segala bentuk tanggungjawab, balasan dan hak undang-undang seperti mengurus dan memiliki tanpa membezakan di antara rakyat dan pemerintah, kaya dan miskin, keluarga dan bukan keluarga, lelaki dan perempuan dan seterusnya Islam dan bukan Islam. Prinsip ini memberi jaminan bahawa setiap orang adalah sama dan akan mendapat layanan yang sama rata tanpa melihat taraf dan kedudukan mereka (Mohd. Ridhuan Tee, 1994).

Layanan yang sama ini menunjukkan Islam tidak membezakan status mereka dalam masyarakat sama ada mereka orang Islam atau bukan Islam. Lantaran itu, menurut Mahmood Zuhdi (1999) dan Alias (1992), kedudukan orang bukan Islam tidak ada bezaanya dari orang Islam atas dasar kemanusiaan sejagat, kebebasan beragama, kedaulatan undang-undang dan keadilan Ilahi.

Penghuraian di atas menunjukkan bahawa persamaan ini adalah diiktiraf untuk semua bangsa, etnik dan suku kaum. Mereka dibenarkan bergerak bebas dalam aktiviti ekonomi, pendidikan, sosial, perundangan mahupun beragama.

## xii. Mewujudkan Kesejahteraan Melalui Jaminan Kebajikan Sosial

Kebajikan sosial adalah antara elemen penting dalam menentukan keharmonian kehidupan masyarakat kerana ia merupakan intipati kepada konsep pembangunan kesejahteraan sosial masyarakat dan negara. Menurut Friedlander (1961) kebajikan dilihat sebagai satu sistem kegiatan yang teratur bagi pelbagai perkhidmatan sosial yang tujuannya untuk membantu individu dan kelompok bagi mencapai kualiti hidup yang lebih memuaskan. Manakala United Nation (1960) memahami kebajikan sosial sebagai satu keadaan yang sejahtera mencakupi aspek fizikal, mental dan sosial.

Sementara dalam kerangka ekonomi Islam, fungsi kebajikan sosial Islam dilihat dari sudut asas maslahah. Maslahah ialah memutuskan sesuatu hukum bersumberkan prinsip kebaikan am pada perkara yang tidak terdapat nas daripada al-Quran secara jelas (al-Zarqa', 1968). Ini bermakna fungsi kebajikan sosial adalah berdasarkan konsep maslahah yang menjadi dasar untuk membuat sebarang keputusan dalam bidang

perekonomian. Kebajikan sosial akan dapat dicapai dalam bentuk keseimbangan ekonomi, menyeluruh dan bersepada kerana sebarang keputusan untuk usaha perekonomian serta kebijakan sosial harus mengambil kira persoalan maslahah dan tingkat-tingkat keutamaan serta harus juga mengambil kira kedua-dua aspek kebendaan dan kerohanian. Selain itu, maqasid syariah juga menjadi asas kepada pencapaian kebijakan sosial Islam kerana asas ini menjaga kemaslahatan masyarakat secara menyeluruh dan bukannya berdasarkan penemuan logik dan menjaga kepentingan segelintir ahli masyarakat dan mengabaikan kebijakan segelintir yang lain (Joni Tamkin Borhan, 2008).

#### **xiii. Menggalakkan Syura Dalam Pembuatan Dasar Kesejahteraan**

Kedudukan sistem politik dalam sesebuah negara mempunyai pengaruh besar ke atas dasar kerajaan. Justeru itu, pemimpin sebagai peneraju utama negara mempunyai tanggungjawab besar bagi mencorak hala tuju negara. Tanggungjawab ini perlu dipastikan mampu berjalan dengan baik supaya negara tidak menghadapi banyak masalah (Mohd Zaidi Abdul Rahman, 2001). Lantaran itu, konsep syura menurut Abdul Wahhab Khallaf (1978) adalah merupakan salah satu prinsip kenegaraan Islam yang sangat terkait erat dengan upaya penyelenggaraan pemerintahan yang baik, melindungi kehidupan umat dan melayani umat menuju kemaslahatan bersama (*al-maslahat al-ammah*). Demikian pula yang diungkapkan oleh al-Suyuthi (1995) bahawa syura merupakan unsur utama daripada teori hukum selain al-Quran dan al-Sunnah seperti ijmak dan kemaslahatan orang banyak. Hal ini dirumuskan atas dasar prinsip-prinsip yang universal (*kulliyat*). Prinsip-prinsip yang bersifat umum inilah yang membentuk dasar-dasar syariah yang bersumber daripada kumpulan prinsip-prinsip khusus (*juziyyat*).

#### **xiv. Mengukuhkan Perpaduan**

Seterusnya elemen fokus yang kelapan ialah mengukuhkan perpaduan. Elemen perpaduan atau kesatuan dalam kepelbagaiannya (*unity in diversity*) adalah elemen pelengkap kepada pelaksanaan siasah syar'iyyah dalam membentuk dasar kesejahteraan keluarga dalam negara bermasyarakat majmuk. Tanpa perpaduan maka bidang-bidang kehidupan sosial, pemerintahan dan perekonomian akan menjadi pertaruhan, yang bakal digangu-gugat oleh pihak-pihak yang berkepentingan sempit.

Lantaran itu, nilai-nilai perpaduan perlu dipupuk dan disuburkan di kalangan anggota masyarakat dalam sesebuah negara sehingga dapat mewujudkan budaya integrasi sosial yang padu dan kukuh. Di sitolah rahsia atau ramuan penting dalam membentuk sebuah pemerintahan yang progresif dan harmoni. Setiap pemerintah perlu sentiasa peka terhadap kepentingan perpaduan. Rasulullah SAW sendiri telah menunjukkan satu model pemerintahan dengan mewujudkan Piagam Madinah untuk menyatukan bangsa-bangsa serta kaum-kaum yang ada di Madinah.

Lantaran itu, Ahmad Ibrahim (1985) telah merumuskan Piagam Madinah yang diusahakan oleh Nabi SAW telah dapat menyelesaikan beberapa masalah iaitu pertama, mengariskan hak dan tanggungjawab orang-orang Islam dan penduduk tempatan Madinah. Kedua, memuliakan orang Islam yang berhijrah. Ketiga persefahaman dengan orang-orang bukan Islam terutama orang Yahudi. Keempat, penyusunan soal politik dan

pertahanan Madinah. Kelima, bayaran pampasan terhadap kerugian atau kehilangan nyawa dan harta yang dialami oleh orang yang berhijrah.

Melalui Piagam Madinah juga, Baginda SAW telah mengiktiraf setiap etnik sebagai warganegara dan seluruh masyarakat Madinah perlu saling menghormati serta bekerjasama dalam mewujudkan suasana aman di Madinah (Zaleha Embong, 2019).

Pengukuhan perpaduan juga dapat diwujudkan melalui toleransi. Toleransi menurut Mohamad Zaidi Abdul Rahman (2007) adalah mempunyai peranan yang signifikan bagi melahirkan kehidupan yang harmoni. Perihal pentingnya amalan toleransi dipupuk dalam masyarakat kerana toleransi melahirkan pelbagai sifat positif dan menghindari sikap negatif. Islam mempunyai perspektif tersendiri dalam mengertikan makna toleransi. Toleransi Islam terhadap kebebasan beragama berdiri di atas dasar ‘teguh pada prinsip, toleran pada sikap’. Islam menganjurkan umatnya berpegang pada prinsip kebenaran Islam tetapi tidak pula melunturkan sikap hormat kepada bukan muslim.

Dalam hal ini menunjukkan bahawa perpaduan adalah perkara yang menjadi keutamaan dalam mana-mana pemerintahan bagi mewujudkan keamanan dan kesejahteraan dalam masyarakat majmuk. Oleh itu, pihak-pihak berkepentingan sentiasa menjadikannya sebagai agenda perjuangan. Ini kerana setiap pihak menyedari bahawa perpaduan merupakan jaminan kepada kesejahteraan sosial, kestabilan politik dan ekonomi. Justeru itu, semua lapisan masyarakat bertanggungjawab untuk menggembangkan usaha mewujudkan integrasi yang baik antara satu sama lain agar ikatan perpaduan, kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat majmuk dapat dikekalkan.

Perbincangan di atas adalah merujuk kepada konsep kepentingan siasah syar’iyah dalam pembuatan dasar-dasar kerajaan. Keluasan kepentingan-kepentingan ini membolehkannya dicerakim kepada pelbagai pendekatan dasar yang lebih praktikal, terfokus serta selari dengan siasah syar’iyah.

## **Segmen Praktikal Dalam Kerajaan**

Perbincangan dalam segemen ini dibahagi kepada dua bahagian iaitu praktikal dalam kerajaan peringkat nasional dan peringkat negeri Sarawak.

### **1. Praktikal Peringkat Nasional**

Kerajaan Malaysia telah berusaha untuk mencapai kesejahteraan keluarga melalui pendekatan-pendekatan yang lebih terperinci serta tertumpu dalam institusi kekeluargaan. Dasar-dasar kesejahteraan keluarga kerajaan Malaysia ini diketengahkan dalam masyarakat melalui lapan domain utama iaitu hubungan kekeluargaan, ekonomi keluarga, kesihatan keluarga, keselamatan keluarga, keluarga dan keterlibatan komuniti, keluarga, peranan agama dan amalan kerohanian, perumahan serta persekitaran dan keluarga serta teknologi komunikasi (LPPKN, 2016). Domain indeks kesejahteraan keluarga ini pula diperincikan dengan indikator-indikator seperti berikut:

#### **i. Hubungan kekeluargaan**

Bagi domain ini terdapat sebanyak tujuh indikator yang dijadikan pengukur kesejahteraan iaitu penglibatan ibu bapa, kualiti masa bersama keluarga, imbangan kerja keluarga, perhubungan rapat, kefungsian keluarga, daya tindak keluarga dan daya tahan keluarga.

**ii. Ekonomi keluarga**

Domain ini pula terdapat dua indikator yang digunakan sebagai pengukur tahap kesejahteraan dalam bidang ekonomi keluarga iaitu kesejahteraan kewangan dan pengurusan kewangan.

**iii. Kesihatan keluarga**

Seterusnya domain kesihatan keluarga terdapat dua indikator iaitu amalan kesihatan keluarga dan kesihatan umum.

**iv. Keselamatan keluarga**

Domain ini juga terdapat dua indikator yang menjadi pengukur tahap kesejahteraan keselamatan keluarga iaitu keselamatan keluarga dan pengetahuan keluarga.

**v. Keluarga dan keterlibatan komuniti**

Domain ini terdapat dua indikator iaitu kerjasama dalam komuniti dan hubungan dalam komuniti.

**vi. Domain keluarga, peranan agama dan amalan kerohanian**

Indikator yang mengukur domain ini ialah sebanyak dua iaitu peranan agama dan amalan kerohanian.

**vii. Domain perumahan dan persekitaran**

Manakala indikator yang mengukur tahap kesejahteraan domain ini terdapat tiga iaitu kawasan perumahan yang disediakan untuk kesejahteraan individu dan keluarga, tahap pencemaran yang merujuk kepada pencemaran bau dan pencemaran bunyi dan yang terakhir ialah amalan 3R iaitu merujuk kepada kesedaran dan pengetahuan terhadap penggunaan plastik, penggunaan semula barang dan mengitar semula barang.

**viii. Keluarga dan teknologi komunikasi**

Indikator bagi mengukur domain ini ada tiga iaitu pengaruh aplikasi komunikasi yang memberi kesan terhadap penggunaan telefon ke atas interaksi ahli keluarga, penggunaan *short message system* (SMS) dan panggilan telefon yang merujuk kepada penggunaan telefon dan pola komunikasi menerusi SMS. Indikator yang ketiga ialah kawalan terhadap penggunaan teknologi komunikasi. Indikator ini adalah merujuk kepada pemantauan dan penyeliaan terhadap penggunaan teknologi komunikasi anak-anak seperti *SMS*, *WhatsApp*, *Wechat* dan *Telegram*.

**2. Peringkat Negeri Sarawak**

Seterusnya inisiatif pembuatan dasar kesejahteraan keluarga ini turut diusahakan oleh kerajaan Sarawak. Dalam hal ini, kerajaan Sarawak telah membentuk Kerangka Transformasi Sosial Negeri Sarawak (KTSS). Dari sinilah terbinanya indeks kesejahteraan sosial Sarawak yang terdiri daripada beberapa tunjang, domain dan subdomain. KTSS merupakan satu kerangka dasar sosial yang memberi satu gambaran menyeluruh mengenai cara dan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Sarawak di dalam membawa perubahan hidup yang pro-kebajikan kepada seluruh rakyat Sarawak.

KTSS mengintegrasikan program transformasi ekonomi, program transformasi kerajaan, program transformasi fiskal dan program transformasi komuniti ke arah Sarawak sejahtera. KTSS mempunyai sepuluh tunjang (*pillars*) iaitu dimensi-dimensi yang diperlukan oleh rakyat Sarawak dalam memastikan kesejahteraan hidup mereka berada pada tahap yang baik. Setiap tunjang tersebut mempunyai bidang atau domain masing-masing. Secara keseluruhannya KTSS mempunyai dua puluh lima domain dan sembilan puluh tujuh subdomain (*Sarawak Government*, 2017). Perincian tunjang-tunjang tersebut adalah seperti berikut:

**i. Tunjang institusi keluarga**

Tunjang ini mengandungi satu domain iaitu penduduk dan keluarga. Manakala subdomain pula ada tujuh iaitu pertumbuhan penduduk, warga emas, remaja, keibubapaan, sistem sokongan keluarga, institusi keluarga dan keseimbangan kerjakuasaan (*work life balance*).

**ii. Tunjang pembinaan kapasiti**

Tunjang pembinaan kapasiti mengandungi tiga domain. Bagi domain pendidikan ia mengandungi empat subdomain iaitu kesaksamaan pendidikan, kualiti pendidikan, program latihan teknikal serta kemahiran dan kemahiran infrastruktur pendidikan dan latihan kemahiran. Seterusnya domain kedua adalah berkait dengan sumber manusia yang mengandungi dua subdomain iaitu tenaga kerja dan persekitaran kerja. Manakala domain ketiga ialah penyertaan ekonomi yang mengandungi hanya satu subdomain iaitu pendapatan.

**iii. Tunjang perumahan**

Tunjang ini dibina dengan dua domain. Pertama, aspek sosial perumahan yang mengandungi satu subdomain iaitu kemampuan pemilikan rumah (*housing ownership & affordability*). Seterusnya domain kedua ialah aspek fizikal perumahan yang mengandungi dua subdomain iaitu keadaan fizikal rumah dan kemudahan prasarana awam.

**iv. Tunjang keharmonian sosial**

Tunjang ini terdiri daripada enam domain dan dua puluh tujuh subdomain. Pecahan domain dan subdomain adalah seperti berikut:

Domain yang pertama adalah domain keadilan sosial mengandungi enam subdomain iaitu yang pertama kebebasan berpolitik, bersuara serta beragama, subdomain yang kedua ialah kepatuhan undang-undang negara, subdomain ketiga ialah agihan peluang dan sumber negara, seterusnya subdomain keempat ialah masyarakat bertanggungjawab, kelima, sokongan terhadap kerajaan dan yang keenam ialah penyertaan dalam persatuan sosial atau aktiviti masyarakat.

Domain kedua pula ialah kerajaan berkebijakan yang mengandungi hanya satu subdomain iaitu penyediaan pelbagai perkhidmatan sosial kepada rakyat.

Manakala domain ketiga ialah keharmonian kepelbagai budaya. Domain ini terdiri daripada tujuh subdomain iaitu penganjuran program atau aktiviti kebudayaan, pemuliharaan warisan budaya, pemerkasaan penggiat budaya, penyertaan program silang budaya, pengukuhan produk pelancongan kebudayaan, ikon budaya dan maklumat budaya etnik dalam persatuan sosial.

Domain yang keempat pula ialah solidariti sosial yang mengandungi lima subdomain iaitu sokongan terhadap kerajaan, penyertaan setiap kumpulan, penglibatan pelbagai latar masyarakat dalam aktiviti atau program sosial, konflik antara kaum dan pemerkasaan kurikulum pendidikan berdasarkan ‘peace building’.

Domain kelima ialah ikatan sosial yang mengandungi lima subdomain iaitu yang pertama ialah interaksi pro sosial, yang kedua pula ialah menjaga kepentingan bersama, saling bertoleransi, hormat menghormati serta saling memahami, yang ketiga ialah masyarakat prihatin, seterusnya yang subdomain keempat pula ialah memudahkan cara budaya positif (*accomodating culture*) yang subdomain kelima ialah jaringan sokongan dalam komuniti.

Seterusnya domain yang keenam ialah media beretika serta beramanah yang mengandungi tiga subdomain iaitu pelaporan media yang telus, penyebaran maklumat yang komprehensif dan capaian maklumat mudah serta menyeluruh.

#### **v. Tunjang keselamatan awam**

Tunjang ini mengandungi satu domain sahaja iaitu persekitaran selamat dan terdapat sepuluh subdomain iaitu indeks jenayah rendah, bilangan anggota polis serta nisbah masyarakat, persepsi penjenayah, ideologi ancaman keganasan terkawal, penyalahgunaan bahan terlarang terkawal, kemalangan jalan raya, pengurusan bencana alam, toleransi terhadap para immigran, pemangsaan jenayah dan jaringan keselamatan komuniti.

#### **vi. Tunjang tanggungjawab sosial**

Tunjang ini mengandungi satu domain iaitu penyertaan sosial. Manakala subdomain ada tiga iaitu keaktifan pertubuhan sosial serta aktiviti sukarela, tanggungjawab sebagai pengundi dan keusahawan sosial.

#### **vii. Tunjang ruang dan prasarana sosial**

Tunjang ini mengandungi tiga domain. Domain pertama adalah pengangkutan yang mengandungi tiga subdomain iaitu mobility, aksesibiliti dan kecukupan prasarana. Domain kedua pula ialah komunikasi dan teknologi maklumat yang mengandungi dua subdomain iaitu liputan dan kelajuan. Domain terakhir adalah ruang sosial yang mengandungi dua subdomain iaitu ruang awam dan prasarana sosial.

#### **viii. Tunjang amalan tadbir urus governan**

Tunjang ini mengandungi lima domain. Domain tersebut adalah kerajaan pentadbir yang mengandungi empat subdomain iaitu akauntabiliti kerajaan, perundingan kerajaan dengan orang awam dalam penggubalan polisi, aduan awam dan ketelusan atau integriti kerajaan. Domain kedua pula ialah sektor persendirian yang mengandungi lima subdomain iaitu projek *corperate service responsibility* (CSR), rasuah, kes disiplin, bilangan muflis dan pembayaran cukai perniagaan. Seterusnya domain ketiga pula ialah sektor komuniti yang mengandungi tiga subdomain iaitu program komuniti, bilangan anggota komuniti keluar mengundi dan aduan terhadap wakil rakyat. Domain keempat adalah media yang mengandungi dua subdomain iaitu bilangan rancangan televisyen dan artikel dalam media massa utama dan bilangan liputan kes rasuah, pecah Amanah, amalan baik paparan media. Manakala domain kelima ialah masyarakat sivil yang

mengandungi dua subdomain iaitu pematuhan peraturan dan keaktifan pertubuhan bukan kerajaan (NGOs).

#### **ix. Tunjang kelestarian alam sekitar**

Tunjang ini terdiri daripada satu domain iaitu alam sekitar yang mengandungi empat subdomain iaitu kualiti air, kualiti udara, pengurusan bahan sisa dan kehidupan hijau.

#### **x. Tunjang perlindungan sosial dan kesihatan**

Tunjang ini terdiri daripada dua domain. Domain pertama adalah kesihatan yang mengandungi lima subdomain iaitu nisbah doktor dengan penduduk, jangka hayat penduduk, kawalan penyakit berjangkit, prasarana rawatan kesihatan dan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan. Manakala domain kedua adalah perlindungan atau keselamatan sosial yang mengandungi lapan subdomain iaitu pembelian insuran per penduduk, penyertaan dalam caruman wajib awam, bilangan kemalangan pekerjaan, bilangan penduduk yang menerima bantuan sosial awam, bilangan isi rumah miskin yang menerima bantuan kewangan awam, bilangan pusat pemulihan dalam komuniti, bilangan pusat krisis sehenti dan bilangan institusi penjagaan awam untuk kanak-kanak berisiko.

Kesemua tunjang dan domain tersebut adalah perincian yang bertujuan untuk memudahkan perancangan serta gerak kerja ke arah mewujudkan kestabilan, keharmonian dan kesejahteraan dalam sebuah negara bermasyarakat majmuk.

### **5. Kesimpulan Dan Rekomendasi**

Siasah syar'iyyah adalah suatu manifestasi daripada kefahaman yang mendalam terhadap sumber *kitabullah*, selain dari sumber hadis Nabi Muhammad SAW dan juga sumber qiyas dan sumber ijmak ulama. Justeru itu, amalannya adalah berdasarkan maslahah dan apabila sesebuah kerajaan hendak mewujud serta mengimplentasikan sesuatu dasar maka ia mestilah berteraskan aspek maslahah. Bagi mencerna pendekatan maslahah ini kefahaman terhadap maqasid syariah perlulah diberi perhatian untuk melahirkan hukum siasah yang adil dan dinamik. Maqasid syariah juga menjadi pengukur atau indikator mengenal-pasti sumber ijihad yang sahih atau palsu khususnya dalam menempuh dilemma masakini dalam menangani keperluan perundangan, ijihad dan hukum yang belum wujud lagi pada zaman-zaman sebelumnya, sedangkan keadaan semasa dideakah dengan isu-isu yang segar tetapi sangat mencabar memandangkan ia tidak mempunyai sumber hukum asal yang tertentu bahkan wujud elemen-elemen spekulatif dan futuristik.

Justeru itu, konsep siasah syar'iyyah sangat sesuai dan relevan dalam mengharungi perubahan zaman yang pesat dan mencabar ke arah menuju dan mencapai seruan-seruan maqasid syariah di atas landasan memelihara kemaslahatan ummah yang majmuk dengan polisi dan undang-undang yang digubal oleh pihak pemerintah. Tugas untuk memastikan kesejahteraan keluarga yang menjadi sebahagian dari kelompok rakyat dalam sebuah kerajaan bermasyarakat majmuk adalah suatu tanggungjawab yang tidak dapat dipisahkan daripada tuntutan ajaran Islam. Justeru itu, tuntutan untuk merealisasikan siasah syar'iyyah sebagai mekanisme tadbir urus kerajaan perlu dilaksanakan oleh pemerintah secara komprehensif dan holistik.

## 6. Rujukan

- Abd al-Rahman Taj (1415H), *al-Siyasah al-Syar'iyyah wa al-Fiqh al-Islami*, Qaherah: al-Azhar.
- Abd. Moqsith Ghazali (2009), *Argumen Pluralisme Agama: Membangun Toleransi Berbasis Al-Qur'an*, Depok Kata Kita.
- Abdullah Md Zin (2013), *Wasatiyyah: Definisi Konsep dan Pelaksanaan*, Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia.
- Abdurrahman Taj (1993) *al-Siyasah al-Syar'iyyah wa al-Fiqh al-Islami*, Mesir: Mathba'ah Dar al-Ta'lif.
- Abu Faris, Muhammad Abd al-Qadir (2011), *al-Nizam al-Siyasi fi al-Islam*, Dar al-Furqan li al-Nashru wa al-Tauzi'.
- Afzal-ur-Rahman (1991), *Doktrin Ekonomi Islam*, Jilid I. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sukardja (1995), *Piagam Madinah dan UUD 1945, Kajian Perbandingan Tentang Dasar Hidup Bersama dalam Masyarakat Yang Majemuk*. Jakarta: UI Press.
- al-Saidi, (1999), *Kebebasan Berpikir Dalam Islam*, (Hurriyyat al-Fikr fi al-Islam), terj. Ibnu Burdah, Adi Wacana, Yogyakarta, cet. I.
- al-Syatibi, Abu Ishak Ibrahim bin Musa (t.t), *al-Muwafaqat Fi Usul al-Syariah*. Beirut.
- Awang Nib Zuhairi (2014), *Pentadbiran Abdul Taib Mahmud Dalam Masyarakat Sarawak Dari Perspektif Islam*. (tesis master, tidak diterbitkan), Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Bretones, FD & Gonzales, MJ. (2011). "Subjective and occupational wellbeing in a sample of Mexican workers", *Social Indicator Research*.
- Kansil, C.S.T. (2001), *Ilmu Negara Umum dan Indonesia*. Jakarta: Pt. Pradnya Paramita.
- Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan, Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Sarawak (KWKPKS) (2020), *Laporan Akhir Kajian Indeks Kesejahteraan Sosial Sarawak*, Unit Perundingan Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2017), Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), KL.
- Khallafl, Abd al-Wahab (1988), *al-Siyasah al-Syar'iyyah fi al-Shu'un al-Dusturiyyah wa al-Kharijiyyah wa al-Maliyyah*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Khallafl, Abdul Wahhab (1978/1398), *Ilm Usul al-Fiqhi*, Cet-12, Dar al-Qalam.
- Maududi, Abu A'la (1992), *The Economic Problem of Man and Its Islamic Solutions*. Lahore: Islamic Publication (Pvt) Ltd.
- Mousavizadeh, Alexandra et. al (2016), *The Legatum Prosperity Index 2016*. London: The Legatum Institute Foundation.
- Sadeq, Abul Hasan Muhammad (1990), *Economic Development in Islam*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Sarawak Government (2017), "State Social Wellbeing Index being developed". Dipetik dari: [https://sarawak.gov.my/web/home/news\\_view/223/8359/](https://sarawak.gov.my/web/home/news_view/223/8359/)
- Sugiyono (2017), *Metode Penelitian Kualitatif: untuk Penelitian yang Bersifat Eksploratif, Interpretif, Interaktif dan Konstruktif*. Bandung: Alfabeta.



Zaidan, Abdul Karim (1988), *Kewajipan Menegakkan Negara Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.

Zaydan, Abd. al-Karim (1970), *al-Madkhal li Dirasat al-Shariah al-Islamiyyah, al-Ijtihad al-Islami al-Alami li Munazzamat al-Tullabiyyah*, t.tp., c. 2.